

Sumbangan Ibu Bapa, Guru dan Rakan Sebaya dalam Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah di Malaysia

The Contribution of Parents, Teachers and Peers Factors on Malay Language Essay Writing among Indigenous Students in Malaysia

Zamri Mahamod

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +603-89216458; E-mail: d-zam@ukm.edu.my

Tengku Nor Adila Tengku Mohamed Salim

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (3), Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: +60192592475; E-mail: tgdila08@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pengaruh faktor ibu bapa, guru dan rakan sebaya terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu murid-murid peribumi sekolah rendah di daerah Bintulu, Sarawak, Malaysia. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Seramai 180 orang murid daripada tiga buah sekolah sekitar daerah Bintulu telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Satu set borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian. Data dianalisis menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh faktor sosial guru banyak mempengaruhi penulisan karangan murid peribumi. Sebaliknya faktor ibu bapa dan rakan sebaya tidak mempengaruhi penulisan karangan murid peribumi. Kajian ini membuktikan bahawa faktor guru merupakan pengaruh sosial yang paling berkesan dalam mempengaruhi penulisan karangan murid peribumi. Guru yang selalu memberi sokongan kepada murid peribumi dalam pembelajaran Bahasa Melayu termasuk penulisan karangan membantu meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu murid peribumi.

Kata kunci: Pengaruh Ibu Bapa, Pengaruh Guru; Pengaruh Rakan Sebaya; Penulisan Karangan; Murid Peribumi

Abstract

This study was conducted to identify the contributing factors of parents, teachers and peers toward the improvement of Malay essay writing among primary school students in the area of Bintulu, Sarawak, Malaysia. A total of 180 students from three schools in the Bintulu area were selected as samples. A set of questionnaires were used as an instrument to obtain research data. Research data were later analyzed study using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23.0. The findings of this study show that the teacher form the most significant contributing social factor that greatly influenced the writing of native students. This study therefore reveals that the teacher factor is the most effective social influence in influencing the writing of native students in writing essay of Malay language.

Keywords: Parental Contribution, Teacher Contribution; Peer Contribution; Writing Writings; Primary Students

Pengenalan

Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum antaranya kaum Melayu, India, Cina dan lain-lain. Di negeri Sarawak terdapat pelbagai suku kaum peribumi seperti Iban, Melanau, Bidayuh, Penan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Lun Dayeh dan lain lain (Magdeline, 2014). Kepelbagaian suku kaum peribumi ini menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua di negeri Sarawak. Bagi menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan varian bahasa di Malaysia, Bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa Kebangsaan dan menjadi bahasa utama dalam urusan rasmi. Di samping itu, Bahasa Melayu telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sebagai bahasa kebangsaan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia turut memberi fokus terhadap usaha memartabatkan Bahasa Melayu. Apa yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini bagi penguasaan bahasa Malaysia ialah 90% daripada murid-murid dijangka mendapat sekurang-kurangnya skor kredit minimum dalam Bahasa Malaysia, setelah tamat Tingkatan 5 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2103). Bagi mencapai hasrat ini, kurikulum baharu telah diperkenalkan, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Sebagai contoh, dalam KSSR, kemahiran menulis diberikan perhatian. Menulis adalah merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam KSSR Bahasa Melayu. Buktinya dalam Standard Kandungan 3.0 hingga 3.9, ditetapkan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid melibatkan kemahiran menulis. Kemahiran yang paling sukar dan kompleks dalam kemahiran menulis ialah kemahiran menulis karangan. Ahmad Khair (2005) berpendapat bahawa kemahiran menulis karangan adalah merupakan kemahiran peringkat paling tinggi dalam kemahiran bahasa dan sinonim dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian

kerana untuk menghasilkan sesebuah karangan adalah satu proses menulis yang mencabar dan memerlukan kemahiran yang tinggi berbanding kemahiran bahasa yang lain. Kebanyakan individu kurang menguasainya. Pendapat ini juga selari dengan sorotan yang ditulis oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2011) yang menyatakan bahawa menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks.

Setiap murid perlu menguasai kemahiran mengarang. Melalui kemahiran mengarang, manusia dapat meluahkan perasaan, pandangan dan perkongsian ilmu. Hal ini demikian kerana menurut Hawthorne (2007), kemahiran mengarang adalah satu kemahiran penting sebagai alat pernyataan perasaan serta pengetahuan yang tidak terbatas dalam masyarakat moden. Oleh hal yang demikian, kemahiran mengarang boleh membantu murid-murid meluahkan perasaan dan menyebarkan pengetahuan yang diperoleh. Kemahiran mengarang yang diperoleh boleh membantu seseorang bukan sahaja di bangku persekolahan untuk menjawab peperiksaan, bahkan dapat membantu individu dalam urusan pekerjaan dan mengisi masa lapang dengan menghasilkan penulisan yang memberi manfaat kepada pembaca lain.

Pernyataan Masalah

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembelajaran menulis. Antara faktor yang mempengaruhi penulisan karangan murid ialah faktor ibu bapa. Ibu bapa tidak menyediakan persekitaran pembelajaran bahasa di rumah seperti bertutur dan membaca dalam bahasa Melayu. Ramai ibu bapa di rumah tidak menunjukkan contoh amalan membaca yang boleh membantu anak-anak menambahkan kosa kata bahasa Melayu di rumah. Kajian Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2017) menyatakan bahawa faktor pengaruh sosial seperti ibu bapa banyak mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu anak-anak mereka termasuk dalam mewujudkan amalan membaca di rumah. Jika ibu bapa rajin membaca, maka

masalah kekurangan kosa kata dan ketandusan idea semasa menulis karangan tidak akan terjadi.

Masalah dalam penulisan karangan murid ini juga dipengaruhi oleh sikap yang ditonjolkan oleh guru semasa mengajar Bahasa Melayu Penulisan. Jerie dan Zamri (2011) telah menjalankan untuk melihat sikap dan motivasi murid Iban dalam pembelajaran bahasa Melayu. Antara hasil kajian mereka mendapati terdapat segelintir guru bahasa Melayu kurang memberi penegasan positif kepada murid yang berjaya menyiapkan karangan dengan baik. Demikian juga kajian Celinea dan Zamri (2018) terhadap murid Bidayuh yang mendapati murid-murid Bidayuh ini kurang bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Sikap negatif murid Iban dan Bidayuh ini adalah kerana sikap guru yang kurang memberi galakkan dan penegasan positif di dalam kelas. Guru seharusnya bersikap positif bagi mendorong murid-murid menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti tinggi. Jika guru tidak menunjukkan sikap yang positif, secara tidak langsung akan menyebabkan murid kurang bermotivasi untuk menulis karangan dengan baik. Hal ini dibuktikan melalui kajian Abdull Sukor et al. (2011), Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2017) yang menyimpulkan bahawa sikap guru juga menjadi salah satu faktor kegagalan murid menguasai kemahiran bahasa Melayu, termasuk kemahiran menulis.

Kajian tentang pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah, khususnya di Sarawak belum pernah dikaji. Rakan sebaya boleh memainkan peranan dalam membantu murid menghasilkan penulisan karangan yang baik melalui bantuan menyemak karangan rakan sebelum sesebuah penulisan karangan dihantar kepada guru untuk semakan. Huzaina (2007) berpendapat bahawa teknik penyemakan semula oleh rakan sebaya banyak memberi manfaat dalam mempertingkatkan mutu penulisan murid, terutamanya dari segi isi kandungan dan organisasi karangan. Oleh hal yang demikian, budaya bantu membantu

dalam kalangan rakan sebaya untuk sama-sama menghasilkan penulisan karangan yang baik wajar diterapkan dalam kalangan murid sekolah rendah.

Selain itu, bahasa Melayu ialah bahasa kedua bagi murid bukan Melayu di Sarawak. Namun demikian, penguasaan bahasa Melayu masih di tahap kurang memuaskan. Bahasa ibunda mereka banyak mempengaruhi bahasa Melayu sehingga memberi kesan kepada pertuturan, pembaca dan penulisan murid-murid ini (Nancy & Zamri 2017, Christine & Zamri 2018). Kesannya, penguasaan bahasa Melayu terutamanya dalam penulisan turut dipengaruhi oleh gaya bahasa ibunda mereka. Hal ini memberi kesan kepada pencapaian murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah faktor ibu bapa, guru dan rakan sebaya memberi sumbangan dalam meningkatkan penulisan karangan murid sekolah rendah di daerah Bintulu, Sarawak dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Kemahiran Menulis Karangan

Kemahiran bermaksud kecekapan dan kepandaian. Menulis pula bermaksud mencatat kata-kata dengan huruf dan memakai pena iaitu kalam, kapur, pensel, dan lain-lain. Selain itu, kemahiran menulis bermaksud melahirkan perasaan, fikiran dan lain-lain dengan catatan yang memakai huruf dan membuat surat (Kamus Dewan Edisi Keempat 2004). Menulis merupakan aktiviti menghasilkan simbol-simbol grafik yang disusun atur berdasarkan pertuturan lalu membentuk perkataan dan seterusnya ayat-ayat tersusun dengan lengkap .

Kemahiran menulis yang paling tinggi dan kompleks ialah kemahiran menulis karangan. Abdullah (1996) menjelaskan bahawa penulisan karangan melibatkan ketepatan memberikan takrifan tajuk, persembahan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan

kemampuan membuat pemerenggan. Ini menunjukkan bahawa penulisan karangan adalah satu komponen yang sangat penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat ini.

Penulisan karangan menjurus kepada masalah penulisan karangan Bahasa Melayu. Menurut Zamri (2016), gangguan bahasa ibunda dan gangguan sistem bahasa kedua antara kesalahan yang selalu ditemui dalam penulisan karangan murid bukan Melayu yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Antara kesalahan yang dikenal pasti ialah huruf besar, ejaan, struktur ayat, tanda baca dan organisasi karangan.

Dalam kajian ini, penulisan karangan merujuk kepada gred Bahasa Melayu penulisan karangan murid, masalah kesalahan penulisan huruf kecil dan besar, penggunaan kosa kata, idea dalam perenggan isi dan kefahaman terhadap soalan penulisan karangan Bahasa Melayu.

Murid Peribumi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2004), peribumi sama maksudnya dengan Bumiputera, iaitu merujuk anak negeri atau penduduk asli. Fasal (1) Perkara 44 Perlembagaan Negeri Sarawak dengan jelas menyatakan bahawa :

“Native” has the same meaning as it has in the Federal Constitution for the purpose of the application of Article 153 thereof to Natives of the States”.

Hal ini bermakna takrif “Anak Negeri” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perenggan (6)(a) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa “anak negeri” berhubung dengan negeri Sarawak ertinya: “Seseorang yang merupakan warganegara dan sama ada yang tergolong dalam salah satu daripada ras yang dinyatakan dalam Fasal (7) sebagai ras asli bagi negeri itu atau yang berketurunan campuran yang berasal semata-mata daripada ras-ras itu.”

Selain itu, Fasal (7) Perkara 161A memperuntukkan bahawa ras-ras yang dikira sebagai ras asli bagi Sarawak bagi maksud takrif “anak negeri” dalam Fasal (6) Perkara 161A ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Lauk, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun, dan Ukit. Dalam kajian ini, murid peribumi merujuk kepada anak jati negeri Sarawak yang berumur 12 tahun dan bersekolah di sekolah rendah.

Dalam kajian ini, pengaruh sosial terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah rendah peribumi Daerah Bintulu adalah merujuk kepada pengaruh ibu bapa, pengaruh guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap penulisan karangan melibatkan pencapaian Bahasa Melayu Penulisan murid peribumi Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh, Kayan, dan Kelabit.

Metodologi

Populasi kajian ini melibatkan murid-murid daripada tiga buah sekolah rendah kebangsaan yang terletak di Daerah Bintulu. Jumlah murid yang dijadikan responden kajian ini adalah seramai 180 orang. Semu sampel kajian ini dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan ini digunakan supaya penyelidikan mudah menghubungi sampel kajian yang menjadi sasaran dalam kajian ini (Noraini 2013). Selain itu, sampel kajian ini adalah mengikut kesesuaian tujuan kajian dan boleh memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Bilangan sampel kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Taburan responden kajian

| Nama Sekolah | Bil. Sampel Kajian Lelaki | Bil. Sampel Kajian Perempuan | Jumlah Sampel Kajian |
|---------------|---------------------------|------------------------------|----------------------|
| Sk. Kg. Jepak | 30 | 30 | 60 |
| Sk. Tg. Batu | 30 | 30 | 60 |
| Sk. Kg. Baru | 30 | 30 | 60 |
| Jumlah | 150 | 150 | 300 |

Instrumen adalah alat yang digunakan untuk mendapatkan data bagi sesebuah kajian. Soal selidik diubah suai daripada kajian Noor Zila (2014). Instrumen yang dibina dirujuk kepada pakar dalam Pendidikan Bahasa Melayu untuk mendapatkan kesahan instrumen kajian ini. Dalam soal selidik ini, terbahagi kepada dua. Bahagian A bertumpu kepada latar belakang responden kajian yang merangkumi maklumat tentang jantina, kaum dan pencapaian peperiksaan percubaan UPSR 2016 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan. Bahagian B melibatkan tiga faktor sumbangan terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu, iaitu 10 item sumbangan ibu bapa, 10 item sumbangan guru dan 10 item sumbangan rakan sebaya. Setiap item diukur menggunakan skala Likert 3 pilihan, iaitu 1 = Setuju, 2 = Kurang setuju dan 3 = Tidak setuju.

Kajian rintis telah dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina. Menurut Nur Aisyah dan Zamri (2014), hasil analisis data kajian rintis boleh mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian dengan melihat nilai pekali *Alfa Cronbach*. Kajian rintis dijalankan di sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Bintulu yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan tiga sekolah kajian. Hasil analisis data kajian rintis, nilai alpha Cronbach bagi faktor sumbangan ibu bapa ialah 0.865, faktor sumbangan rakan sebaya ialah 0.902 dan faktor sumbangan guru ialah 0.909. Secara keseluruhan, nilai alpha Cronbach bagi ketiga-tiga sumbangan yang dikaji adalah tinggi, iaitu $r = 0.947$. Nilai kebolehpercayaan ini dianggap baik kerana menghampiri nilai $r = 1.0$. Menurut Mohd Majid (2004), nilai pekali kebolehpercayaan yang menghampiri nilai 1.00

merupakan kebolehpercayaan item tinggi dan baik seterusnya dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

Soal selidik yang diedarkan kepada murid peribumi sekolah rendah ini dianalisis program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Statistik ini digunakan bagi memudahkan pentafsiran data dibuat. Pengkaji menganalisis data kajian secara deskriptif melalui hasil analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis deskriptif merupakan satu prosedur untuk mengukur dan menerangkan data kuantitatif (Wiersma 2000). Statistik deskriptif digunakan untuk menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat atau pun data yang diperolehi. Nilai min digunakan bagi merumus persepsi responden terhadap kenyataan yang diberikan dalam soal selidik. Interpretasi skor min yang dibangunkan oleh Jamil (2002) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dijadikan sebagai panduan.

Jadual 2. Interpretasi skor min

| Skor Min | Interpretasi |
|------------------|--------------|
| 1.00 hingga 1.33 | Rendah |
| 1.34 hingga 2.66 | Sederhana |
| 2.67 hingga 3.00 | Tinggi |

Dapatan dan Perbincangan

Demografi Responden Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sumbangan faktor ibu bapa, guru dan rakan

sebayu terhadap penulisan karangan murid sekolah rendah di Daerah Bintulu, Sarawak. Kajian ini melibatkan 180 orang responden kajian yang merupakan murid-murid tahun enam daripada pelbagai latar belakang. Latar

belakang responden kajian melibatkan analisis aspek jantina, kaum, dan pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. Profil demografi kajian ini dihuraikan seperti Jadual 3.

Jadual 3. Profil demografi responden kajian

| Item | Kriteria | Frekuensi | Peratusan (%) |
|---------|------------------------------------|-----------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 90 | 50.0 |
| | Perempuan | 90 | 50.0 |
| Kaum | Melayu | 25 | 13.9 |
| | Melanau | 44 | 24.4 |
| | Kedayan | 2 | 1.1 |
| | Bidayuh | 4 | 2.2 |
| | Iban | 96 | 53.3 |
| | Pencapaian Bahasa Melayu Penulisan | Gred A | 22 |
| | Gred B | 46 | 25.6 |
| | Gred C | 71 | 39.4 |
| | Gred D | 21 | 11.7 |
| | Gred E | 20 | 11.1 |
| | Jumlah | 180 | 100.0 |

Sumbangan Ibu Bapa terhadap Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

Jadual 4 membincangkan sumbangan ibu bapa dalam membantu meningkatkan penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Berdasarkan analisis data, didapati nilai min keseluruhan ialah min 2.52, iaitu berada pada tahap sederhana. Min tertinggi diperoleh daripada item ke-2, iaitu *'Ibu bapa selalu menggalakkan saya membaca buku di rumah'* dengan min 2.83 dengan sisihan piawai 0.588 atau 131 orang (72.8%) murid bersetuju dengan item tersebut. Ini diikuti dengan item ke-9 (*Ibu bapa saya suka membaca pelbagai bahan bacaan di rumah*) dan item ke-10 (*Ibu*

bapa selalu menggalakkan saya supaya minat membaca) yang masing-masing memperoleh min 2.78. Item terendah pula diperoleh oleh item ke-5, iaitu *'Ibu bapa membelek dan menyemak buku latihan penulisan saya pada setiap minggu'* dengan min 1.33 dan sisihan piawai 0.724 atau 41 orang (22.8%) murid peribumi yang bersetuju dengan item tersebut.

Jadual 4. Sumbangan ibu bapa terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah

| Bil. | Sumbangan Ibu Bapa | Kekerapan dan Peratusan (%) | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap Min |
|------|---|-----------------------------|---------------|---------------|------|----------------|------------------|
| | | S | KS | TS | | | |
| 1. | Ibu bapa saya berkomunikasi di rumah dengan menggunakan bahasa Melayu standard. | 38 (21.1%) | 79 (43.9%) | 63 (35%) | 2.13 | 0.738 | Sederhana |
| 2. | Ibu bapa selalu menggalakkan saya membaca buku di rumah. | 131 (72.8%) | 38 (21.1%) | 11 (6.1%) | 2.83 | 0.588 | Tinggi |
| 3. | Saya dapat membaca pelbagai jenis contoh karangan daripada bahan bacaan yang dibeli oleh ibu bapa di rumah. | 110 (61.1%) | 60 (33.3%) | 10 (5.6%) | 2.74 | 0.600 | Tinggi |
| 4. | Ibu bapa selalu mengambil berat dan memuji keputusan peperiksaan yang saya peroleh dalam bahasa Melayu penulisan. | 81 (45%) | 83 (46.1%) | 16 (8.9%) | 2.56 | 0.640 | Sederhana |
| 5. | Ibu bapa membelek dan menyemak buku latihan penulisan saya pada setiap minggu. | 41 (22.8%) | 85 (47.2%) | 54 (30%) | 2.07 | 0.724 | Sederhana |
| 6. | Ibu bapa selalu membimbing saya menyiapkan tugas menulis karangan di rumah. | 75 (41.7%) | 72 (40%) | 33 (18.3%) | 2.36 | 0.740 | Sederhana |
| 7. | Ibu bapa saya banyak membeli bahan bacaan untuk membantu menambahkan pengetahuan saya dan ahli keluarga. | 99 (55%) | 57 (31.7%) | 24 (13.3%) | 2.68 | 0.715 | Tinggi |
| 8. | Ibu bapa saya ada menyediakan bilik bacaan atau perpustakaan mini di rumah. | 43 (23.9%) | 49 (27.2%) | 88 (48.9%) | 2.25 | 0.817 | Sederhana |
| 9. | Ibu bapa saya suka membaca pelbagai bahan bacaan di rumah. | 71 (39.4%) | 76 (42.2%) | 33 (18.3%) | 2.78 | 0.732 | Tinggi |
| 10. | Ibu bapa selalu menggalakkan saya supaya minat membaca. | 118 (65.6%) | 54 (30%) | 8 (4.4%) | 2.78 | 0.773 | Tinggi |
| | Jumlah Purata Min | | | | 2.52 | 0.687 | Sederhana |

S = Setuju; KS = Kurang Setuju, TS = Tidak Setuju

Berdasarkan dapatan ini, dapat rumuskan bahawa faktor ibu bapa masih kurang memberi sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan murid sekolah rendah dalam pembelajaran bahasa Melayu. Faktor ibu bapa kurang berkomunikasi, tidak menyemak buku latihan penulisan anak-anak di rumah, kurang membimbing anak-anak menyiapkan tugas di rumah, tidak ada menyediakan bilik bacaan di rumah menyumbang kepada kemerosotan pencapaian penulisan karangan murid-murid tersebut. Dapatan ini bertepatan dengan kenyataan Zamri (2016) yang menyatakan ibu bapa lebih banyak bertutur dalam bahasa ibunda berbanding Bahasa Melayu di rumah. Hal ini berlaku kerana banyak ibu bapa lebih selesa menggunakan bahasa ibunda mereka

berbanding bertutur bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua atau bahasa asing bagi mereka. Akibatnya anak-anak (murid) ini lebih selesa bercakap bahasa ibunda di rumah. Sekiranya ibu bapa banyak berkomunikasi dalam bahasa Melayu atau menyemak latihan yang anak-anak mereka buat, sudah pasti dapat mengatasi masalah penulisan karangan bahasa Melayu anak-anak mereka ini.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Jerie dan Zamri (2011), iaitu kebanyakan ibu bapa responden menggunakan bahasa ibunda (bahasa Iban) di rumah. Gangguan daripada bahasa ibunda dan kekurangan kosa kata dalam bahasa sasaran secara tidak langsung menyebabkan murid gagal menulis

karangan dengan baik. Menurut Tengku Nor Adila (2017), Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2017), faktor sosial seperti ibu bapa menyumbang kepada kemerosotan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Ibu bapa yang tidak atau kurang memberi galakkan membaca seperti suka membaca, membeli bahan bacaan, menyediakan ruangan untuk membaca, di samping menyemak latihan penulisan karangan anak-anak semasa di rumah boleh mempengaruhi pencapaian penulisan murid-murid ini.

Berdasarkan dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa ibu bapa kurang memberikan sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu (anak-anak mereka) yang disebabkan oleh:

1. Kurang berkomunikasi dengan anak-anak di rumah dalam bahasa Melayu.
2. Kurang mengambil berat pelajaran anak-anak di rumah.
3. Kurang menyemak latihan penulisan anak-anak di rumah.
4. Kurang memberi motivasi dan bimbingan kepada anak-anak di rumah.
5. Tidak menyediakan bahan bacaan dan bilik bacaan di rumah.

Sumbangan Guru terhadap Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

Analisis deskriptif sumbangan guru terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah boleh dilihat dalam Jadual 5. Min keseluruhan bagi item sumbangan guru terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah ialah 2.70 dengan sisihan piawai 0.568. Min 2.70 boleh dikategorikan sebagai tahap tinggi. Dari segi item, didapati item ke-1, iaitu '*Guru bahasa Malaysia mengajar saya menulis karangan dengan penuh bersemangat*

dan sabar' merupakan item yang tinggi nilai min, iaitu 2.86 atau 144 orang (80.0%) murid bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini diikuti dengan item ke-8, iaitu '*Guru selalu menunjukkan kesalahan dan kesilapan yang saya lakukan dalam penulisan karangan*' dengan min 2.80 atau 130 orang (72.2%) menyatakan setuju dengan item tersebut. Item terendah pula diperoleh pada item ke-2, iaitu '*Guru bahasa Malaysia sering memuji karangan cemerlang yang ditulis oleh kawan-kawan saya di dalam kelas*' dengan min 2.53, tetapi berada tahap min sederhana.

Jadual 5. Sumbangan guru terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah

| Bil. | Sumbangan Guru | Kekerapan dan Peratusan (%) | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap Min |
|-------------------|---|-----------------------------|---------------|---------------|------|----------------|-----------|
| | | S | KS | TS | | | |
| 1. | Guru bahasa Malaysia mengajar saya menulis karangan dengan penuh bersemangat dan sabar. | 144 (80%) | 25 (13.9%) | 11 (6.1%) | 2.86 | 0.562 | Tinggi |
| 2. | Guru bahasa Malaysia sering memuji karangan cemerlang yang ditulis oleh kawan-kawan saya di dalam kelas. | 91 (50.6%) | 63 (35%) | 26 (14.4%) | 2.53 | 0.722 | Sederhana |
| 3. | Saya rasa bersemangat menulis karangan yang cemerlang seperti contoh karangan rakan yang dipuji oleh guru bahasa Malaysia. | 96 (53.3%) | 67 (37.2%) | 17 (9.4%) | 2.56 | 0.661 | Sederhana |
| 4. | Guru bahasa Malaysia saya menyediakan pelbagai bahan bacaan di dalam bilik darjah untuk membantu menambahkan kosa kata murid. | 108 (60%) | 62 (34.4%) | 10 (5.6%) | 2.75 | 0.600 | Tinggi |
| 5. | Guru bahasa Malaysia saya selalu menunjukkan contoh karangan sebelum saya dan rakan-rakan diminta menulis karangan masing-masing. | 132 (73.3%) | 40 (22.2%) | 8 (4.4%) | 2.83 | 0.552 | Tinggi |
| 6. | Saya hanya boleh menulis karangan yang lengkap jika dibantu oleh guru bahasa Melayu. | 91 (50.6%) | 72 (40%) | 17 (9.4%) | 2.58 | 0.658 | Sederhana |
| 7. | Guru selalu menyemak latihan karangan saya dengan teliti. | 127 (70.6%) | 45 (25%) | 8 (4.4%) | 2.73 | 0.560 | Tinggi |
| 8. | Guru selalu menunjukkan kesalahan dan kesilapan yang saya lakukan dalam penulisan karangan. | 130 (72.2%) | 45 (25%) | 5 (2.8%) | 2.80 | 0.518 | Tinggi |
| 9. | Guru selalu memberi bimbingan semasa saya menulis karangan bahasa Melayu. | 116 (64.4%) | 52 (28.9%) | 12 (6.7%) | 2.67 | 0.615 | Tinggi |
| 10. | Guru selalu menggalakkan saya dan rakan-rakan membaca pelbagai bahan bacaan. | 119 (66.1%) | 35 (19.4%) | 26 (14.4%) | 2.70 | 0.735 | Tinggi |
| Jumlah Purata Min | | | | | 2.70 | 0.568 | Tinggi |

S = Setuju; KS = Kurang Setuju, TS = Tidak Setuju

Berdasarkan dapatan tersebut, dapat dirumuskan bahawa faktor guru merupakan faktor utama yang memberikan sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah. Antara sumbangan guru bahasa Melayu di ketiga-tiga sekolah yang dikaji ialah mereka banyak memberi motivasi dan sokongan kepada murid-murid dalam pembelajaran bahasa Melayu termasuk penulisan karangan. Sikap guru bahasa Melayu yang suka memberi tunjuk ajar dengan sabar, menyediakan pelbagai bahan bacaan di dalam bilik darjah, menunjukkan contoh karangan terbaik, memuji karangan terbaik rakan, menyemak latihan karangan dengan teliti, membimbing menulis karangan

dengan baik dan sebagainya membantu murid menulis karangan bahasa Melayu dengan baik. Sikap guru yang positif sangat penting dalam meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu Penulisan dengan bersungguh-sungguh. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nurul Aisyah et al. (2016) yang menyatakan faktor guru banyak mempengaruhi peningkatan penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah.

Namun begitu, dapatan ini bertentangan dengan kajian Jeyagobi (2008) yang menyatakan bahawa guru tidak banyak memberikan sumbangan terhadap kemahiran menulis murid. Dapatan yang ditemui adalah masih pada tahap yang tidak memuaskan. Demikian juga kajian Abdul

Rasid (2011) yang mendapat kemahiran menulis murid sekolah rendah luar bandar masih di tahap sederhana kerana guru bahasa Melayu masih tidak kreatif dalam menyediakan bahan pengajaran yang menarik minat murid.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa faktor guru banyak memberikan sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan murid. Menurut Zamri (2014), guru bahasa Melayu yang berkesan ialah guru yang kreatif dan inovatif dalam pengajarannya. Dalam kajian ini, didapati guru bahasa Melayu banyak memberikan sumbangan seperti:

1. Mengajar dengan penuh bersemangat.
2. Memberi motivasi dan bimbingan kepada murid agar rajin belajar.
3. Menyediakan pelbagai bahan bacaan untuk murid rajin membaca dan menulis.
4. Menyediakan contoh karangan terbaik untuk disalin oleh murid.
5. Selalu menyemak dan menyatakan contoh kesalahan menulis karangan kepada murid.

Sumbangan Rakan Sebaya terhadap Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah

Jadual 6 memaparkan hasil analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai sumbangan rakan sebaya terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu murid sekolah rendah kajian ini. Min keseluruhan ialah 1.99, iaitu pada tahap sederhana. Min tertinggi diperoleh pada item ke-2, iaitu '*Saya selalu berbincang dengan rakan-rakan semasa membina dan menulis rangka karangan*' dengan min 2.73 dan sisihan piawai 0.669. Seramai 119 orang (66.1%) murid peribumi bersetuju dengan item tersebut. Ini diikuti dengan item ke-8, iaitu '*Rakan-rakan*

selalu memberi tunjuk ajar kepada saya ketika menulis karangan' dengan min 2.71, sisihan piawai 0.750 atau 101 orang (51.7%) bersetuju dengan item tersebut. Item terendah ditunjukkan pada item ke-5, iaitu '*Saya seringkali meniru karangan rakan-rakan di dalam kelas*' dengan min 1.28, sisihan piawai 0.667 atau 25 orang (13.9%) murid peribumi yang menggunakan kaedah ini dalam penulisan karangan.

Jadual 6. Sumbangan rakan sebaya terhadap penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah rendah

| Bil. | Sumbangan Rakan Sebaya | Kekerapan dan Peratusan (%) | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap Min |
|------|--|-----------------------------|---------------|---------------|------|----------------|-----------|
| | | S | KS | TS | | | |
| 1. | Rakan-rakan selalu mengajak saya membaca buku untuk mendapatkan idea dalam penulisan karangan di perpustakaan sekolah. | 77 (42.8%) | 60 (33.3%) | 43 (23.9%) | 1.81 | 0.796 | Sederhana |
| 2. | Saya selalu berbincang dengan rakan-rakan semasa membina dan menulis rangka karangan. | 119 (66.1%) | 43 (23.9%) | 18 (10%) | 2.73 | 0.669 | Tinggi |
| 3. | Rakan-rakan sentiasa membantu saya mencari isi karangan daripada pelbagai bahan bacaan di dalam kelas. | 96 (53.3%) | 49 (27.2%) | 35 (19.4%) | 1.66 | 0.785 | Sederhana |
| 4. | Rakan gemar mengganggu saya menulis karangan di dalam kelas dengan mengajak saya berbual-bual sehingga saya tidak dapat menyiapkan karangan. | 73 (40.6%) | 45 (25%) | 62 (34.4%) | 1.93 | 0.866 | Sederhana |
| 5. | Saya seringkali meniru karangan rakan-rakan di dalam kelas. | 25 (13.9%) | 78 (43.3%) | 77 (42.8%) | 1.28 | 0.697 | Rendah |
| 6. | Saya bersemangat menulis karangan apabila melihat rakan-rakan sudah menyiapkan tugas menulis karangan di dalam kelas. | 100 (55.6%) | 59 (32.8%) | 21 (11.7%) | 2.67 | 0.694 | Tinggi |
| 7. | Rakan-rakan selalu meminjamkan buku dan bahan bacaan lain kepada saya untuk dibaca. | 75 (41.7%) | 69 (38.3%) | 36 (20%) | 1.73 | 0.756 | Sederhana |
| 8. | Rakan-rakan selalu memberi tunjuk ajar kepada saya ketika menulis karangan. | 101 (56.1%) | 57 (31.7%) | 22 (12.2%) | 2.71 | 0.702 | Tinggi |
| 9. | Rakan-rakan rajin membantu saya mencari peribahasa yang sesuai untuk ditulis dalam karangan. | 93 (51.7%) | 57 (31.7%) | 30 (16.7%) | 1.60 | 0.750 | Sederhana |
| 10. | Rakan-rakan rajin membantu menyemak kesalahan ejaan selepas saya menyiapkan tugas menulis karangan. | 80 (44.4%) | 64 (35.6%) | 36 (20%) | 1.76 | 0.766 | Sederhana |
| | Jumlah Purata Min | | | | 1.99 | 0.745 | Sederhana |

S = Setuju; KS = Kurang Setuju, TS = Tidak Setuju

Berdasarkan dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sumbangan rakan sebaya kurang memberikan sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Rakan sebaya kurang memberi sokongan dan motivasi dalam membantu murid dalam penulisan karangan walaupun mereka selalu berbincang dalam kumpulan. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Tengku Nor Adila (2017) yang mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor rakan sebaya dengan pencapaian murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Namun demikian, dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Dayang Sufilkawany dan Wan Muna Ruzanna (2016) yang menyatakan faktor rakan sebaya antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian pembelajaran bahasa Melayu murid. Rakan sebaya sama-sama membantu antara satu sama lain dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Sebagai rumusan, faktor rakan sebaya kurang memberikan sumbangan kepada peningkatan penulisan karangan dalam kalangan murid sekolah rendah yang antara lain disebabkan

oleh:

1. Kurang mengajak rakan-rakan untuk sama-sama membaca buku.
2. Kurang berbincang dan membantu rakan untuk mencari idea dan isi utama dalam menulis karangan.
3. Kurang memberi pinjaman buku kepada rakan untuk dibaca.
4. Kurang atau tidak banyak membantu dalam mencari peribahasa yang sesuai untuk ditulis.
5. Kurang atau tidak banyak membantu dalam menyemak kesalahan ejaan dalam karangan yang ditulis.

Kesimpulan

Kajian tentang sumbangan faktor sosial seperti ibu bapa, guru dan rakan sebaya dalam penulisan karangan murid sekolah rendah di Malaysia kurang dikaji. Kebanyakan kajian tentang faktor sosial ini lebih melihat kepada aspek sikap, motivasi dan minat murid dalam pembelajaran, termasuk dalam pembelajaran bahasa Melayu. Melalui kajian ini, didapati faktor guru adalah penyumbang utama dalam mempengaruhi pembelajaran murid-murid Iban, Bidayah, Melanau, Melayu, dan Kedayan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu yang bersikap positif, mesra murid, kreatif dan inovasi dalam pengajaran dan selalu memberi tunjuk ajar kepada murid dalam penulisan karangan banyak membantu mereka dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Sebaliknya, faktor ibu bapa dan rakan sebaya tidak banyak dan kurang membantu murid dalam meningkatkan penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini kerana Bahasa Melayu ialah bahasa kedua mereka. Semasa di rumah atau di luar bilik darjah, murid-murid ini lebih banyak berkomunikasi dan berbincang dalam bahasa ibunda berbanding bahasa Melayu. Justeru,

penggunaan bahasa ibunda banyak digunakan dalam berkomunikasi. Hal ini tidak membantu murid, termasuk dalam penulisan karangan. Oleh itu, faktor ibu bapa dan rakan sebaya sebagai penyumbang kepada peningkatan pencapaian bahasa Melayu murid perlu dipertingkatkan.

Rujukan

Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Lietrasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2): 59-70.

Ahmad Khair Mohd Noor. 2005. Menulis Membina Keterampilan Berfikir. *Pelita Bahasa*, Julai 18 (7), 12-14.

Azizi Ahmad. (2007). HBEF 320: Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan. Penerbit UNITEN, Bangi.

Che Zanariah Che Hasan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.

Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pengaruh Faktor Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 74-84.

Huzaina Abdul Halim. (2007). Penggunaan Penyemakan Semula oleh Rakan Sebaya dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*.

Hawthorne, S. (2007). How Best to Teach Writing Skills: A Review of the Research into

- Effective Ways of Teaching Writing. *English in Aotearoa*, 62: 27-35.
- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan Motivasi Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.
- Jeyagobi a/l Dhamodarem. (2008). Persepsi dan Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah Kawasan Pensiangan-Salinatan Daerah Nabawan, Sabah: Satu Analisis. *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Islam, Bangi*. <http://www.ipislam.edu.my/penyelidikan>. (Diakses pada 29 Mei 2019).
- Kamu Dewan. Edisi Keempat. (2004). *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bahagian Pembangunan Kurikulum*, Putrajaya.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Magdeline anak Nor. (2014). *Teras Pengetahuan dan Pedagogi Guru Bahasa Iban Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Kelima. *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.
- Nancy Ngumbang & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8: 47-58.
- Noor Zila Md. Yusof. (2013). *Pengaruh Persekitaran Linguistik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Master. *Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Edisi Kedua. *Penerbitan McGraw Hill (M) Sdn. Bhd, Petaling Jaya*.
- Nur Aisyah Mohamad & Zamri Mahamod. (2014). Tahap kemahiran Metakognitif Murid Tingkatan Empat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 41-47.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 1-9.
- Tengku Nor Adila Tengku Mohamed Salim. (2017). *Pengaruh Sosial terhadap Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Peribumi Daerah Bintulu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Wiersma, W. (Eds.). 2000. *Research Methods in Education: An Introduction*. Allyn and Bacon, New York.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan ketiga. *Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim*.
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa*. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.

